

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SBW313 - Pembangunan Luar Bandar

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Apa erti pembangunan luar bandar dan kenapa kerajaan terlibat secara langsung dalam projek-projek pembangunan luar bandar?
(100 markah)
2. Pembangunan luar bandar sepatutnya merangkumi pembangunan pelbagai sektor dan pelbagai dimensi. Sejauhmana program pembangunan luar bandar Malaysia berjaya mencapai matalamat tersebut? Beri contoh-contoh sesuai dalam jawapan kamu.
(100 markah)
3. Dasar pembangunan luar bandar di bawah Dasar Ekonomi Baru di Malaysia merupakan kesinambungan bimbingan kerajaan sama seperti dasar-dasar sebelumnya. Tetapi dasar pembangunan luar bandar di bawah Dasar Pembangunan Negara menekankan penswastan dan pasaran. Kenapa?
(100 markah)
4. Pihak mana patut bertanggungjawab kepada pembangunan luar bandar? Kerajaan, badan swasta atau pertubuhan bukan kerajaan? Dengan menggunakan contoh-contoh tertentu huraikan kekuatan dan kelemahan masing-masing.
(100 markah)

5. Bincangkan dengan ringkas perkara-perkara berikut:
- (i) Patutkah wanita dijadikan suatu kumpulan sasaran pembangunan luar bandar tersendiri?
 - (ii) Kenapa konflik dan pergeseran antara penerima dan pelaksana program-program pembangunan luar bandar sering berlaku?
- (100 markah)
6. Tuliskan nota ringkas tentang kekuatan dan kelemahan strategi-strategi pembangunan luar bandar berikut:
- (i) Pembangunan wilayah
 - (ii) Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP)
 - (iii) Pembangunan rancangan tanah Felda.
- (100 markah)

- oo o0o oo -